



**MAJLIS DAERAH KAMPAR  
JALAN ISKANDAR,  
31900 KAMPAR  
PERAK DARUL RIDZUAN**

Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 221003 samada bertaraf bumiputera atau bukan bumiputera yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini, mempunyai pengalaman, keupayaan kewangan dan peralatan yang mencukupi bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:-

BIL	TENDER KONTRAK PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN TAPAK PELUPUSAN SAMPAH MILIK MAJLIS DAERAH KAMPAR BAGI 26 JULAI 2021 HINGGA 26 JUN 2023 (2 TAHUN) : -	RUJUKAN TENDER
1	Tapak Pelupusan Sampah, Sg. Siput Selatan	MDKpr/T/P/1-2021

BIL	TENDER KONTRAK PERKHIDMATAN PEMUNGUTAN SAMPAH DAN PELUPUSAN SAMPAH UNTUK MAJLIS DAERAH KAMPAR BAGI 1 SEPTEMBER 2021 HINGGA 31 OGOS 2028 (7 TAHUN) : -	RUJUKAN TENDER
1	Kawasan Zon 1 (Kawasan Kampar – Tronoh Mines)	MDKpr/T/P/2-2021
2	Kawasan Zon 2 (Kawasan Bandar Baru)	MDKpr/T/P/3-2021
3	Kawasan Zon 3 (Kawasan Kampar Barat – Jeram)	MDKpr/T/P/4-2021
4	Kawasan Zon 4 (Kawasan Gopeng)	MDKpr/T/P/5-2021

Lawatan tapak tidak akan diadakan dalam tempoh perintah kawalan pergerakan ini. Dokumen tender boleh dimuat turun melalui laman sesawang Majlis Daerah Kampar mulai 1.7.2021 hingga 21.7.2021 sehingga jam 12.00 tengahari. Prosedur pembelian borang tender adalah tertakluk seperti berikut :-

- 2.1 Borang tender boleh dimuat turun dari portal Majlis : [www.mdkampar.gov.my](http://www.mdkampar.gov.my)
- 2.2 Bagi pembelian satu borang berharga RM50, pembayaran perlu dibuat secara online di akaun seperti berikut :

Majlis Daerah Kampar  
CIMB Berhad  
No. Akaun : 8004838628

- 2.3 Sila masukkan nombor rujukan tender (Cth : MDKPR/T/P/1-2021) serta nama syarikat semasa membuat bayaran.
- 2.4 Resit bayaran perlu dikepikan bersama dokumen tender sebagai bukti pembayaran. Bagi borang tender yang tidak disertakan dengan resit bayaran, dokumen tidak akan diproses .
- 2.5 Dokumen tender yang telah dilengkapkan boleh dihantar melalui serahan pos ke alamat seperti berikut :

Jabatan Kejuruteraan (Peti Tawaran),  
Kompleks Pentadbiran Majlis Daerah Kampar,  
Jalan Iskandar,  
31900 Kampar

Majlis Daerah Kampar tidak terikat untuk menerima dokumen tender yang terendah atau sebarang dokumen tender. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen tender yang tidak terdapat di dalam Peti Tawaran setelah Peti Tawaran dibuka.

Majlis Daerah Kampar tidak terikat untuk menerima dokumen tender yang terendah atau sebarang dokumen tender. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen tender yang tidak terdapat di dalam Peti Tawaran setelah Peti Tawaran dibuka.

(ABDUL HALIM BIN SAAD, AMP)  
Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Kampar,  
Kampar, Perak.

## ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	LAMPIRAN	M/S
1	IKLAN TAWARAN TENDER	-	1
2	ISI KANDUNGAN	-	2
3	ARAHAN KEPADA PENTENDER	-	3 - 5
4	SYARAT – SYARAT TENDER	-	6 - 7
5	SYARAT – SYARAT KONTRAK PERKHIDMATAN	-	8 – 14
6	SKOP DAN SPESIFIKASI PERKHIDMATAN	-	15 - 20
7	SENARAI SEMAK	-	21 - 22
8	JADUAL KERJA DAN LANGKAH PELAKSANAAN KERJA	-	23
9	LAKARAN 'ROUTE' KUTIPAN SAMPAH	-	24
10	SENARAI DAN MAKLUMAT KENDERAAN / LORI	-	25
11	SENARAI SUMBER TENAGA MANUSIA	-	26
12	BORANG TENDER / BORANG Q	-	27- 30
13	BORANG TENDER	-	31
14	MAKLUMAT PENTENDER	-	32
15	MAKLUMAT PENGALAMAN PENTENDER	-	33
16	SURAT AKUAN PENTENDER	-	34
17	SURAT PERWAKILAN KUASA	-	35
18	MAKLUMAT BAYARAN UPAH DAN KEMUDAHAN PEKERJA	-	36

## ARAHAN KEPADA PENTENDER

### 1. DOKUMEN TENDER

- 1.1 Pentender hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Tender ini serta menyemak isi kandungan dengan teliti sebelum mengisi borang-borang Tender seperti di lampiran masing-masing.
- 1.2 Pentender hendaklah melengkapkan maklumat pada setiap borang / lampiran dengan menyediakan dokumen / gambar / bukti sokongan yang lengkap, benar dan sah.
- 1.3 Penyediaan dokumen / gambar / bukti sokongan yang lengkap, benar dan sah akan memberi kelebihan tambahan kepada Pentender semasa proses penilaian tawaran dibuat oleh pihak MDKpr.
- 1.4 Sekiranya pihak MDKpr mendapati maklumat / bukti sokongan yang disediakan adalah palsu dan tidak sah, pihak MDKpr berhak menamatkan kontrak perkhidmatan ini serta-merta.
- 1.5 Tender hendaklah dibuat dengan mengisi borang-borang yang disediakan sahaja. Sekiranya tidak mencukupi, maka penggunaan helaian tambahan adalah dibenarkan.
- 1.6 Borang hendaklah diisi menggunakan tulisan tangan yang kemas dan mudah dibaca menggunakan dakwat yang tidak luntur atau dengan komputer. Sekiranya berlaku kesilapan, Pentender hendaklah memotong kesilapan tersebut, ditandatangani ringkas serta dicop dengan cop syarikat. Penggunaan pemadam cecair atau seumpama dengannya adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- 1.7 Semua borang yang memerlukan tandatangan hendaklah mempunyai cop syarikat dan ditandatangani oleh pemilik syarikat itu sendiri.
- 1.8 Pentender adalah dilarang sama sekali untuk mengubah dokumen ini daripada keadaan asal.
- 1.9 Sekiranya terdapat perbezaan antara harga yang ditawarkan dalam mana-mana dokumen ini maka harga yang dinyatakan dalam perkataan akan diambil kira.
- 1.10 Semua dokumen dan maklumat yang dikemukakan oleh Kontraktor dianggap **SULIT** dan tidak akan dikembalikan.
- 1.11 Maklumat Pentender perlulah tepat dan benar supaya dapat dihubungi oleh pihak MDKpr sekiranya penjelasan lanjut diperlukan.

### 2. TAWARAN TENDER

Tawaran tender hendaklah dibuat pada Borang Tender, Jadual Pematuhan Spesifikasi Dan Skop Perkhidmatan dan mana-mana dokumen yang berkaitan seperti dalam Senarai Semak yang telah disediakan.

### 3. TAWARAN KEWANGAN

**3.1** Secara umumnya Dokumen Tawaran Kewangan memperincikan maklumat-maklumat berhubung latar belakang syarikat seperti keupayaan dan prestasi kewangan syarikat secara keseluruhan, saiz dan keupayaan operasi syarikat serta maklumat-maklumat berhubung pengalaman dan kekuatan syarikat dalam aspek perniagaan secara umumnya dan keupayaan syarikat dalam mengendalikan dan menguruskan projek berkaitan. Dokumen Tawaran Kewangan juga memperincikan aspek kewangan projek termasuklah maklumat-maklumat yang meliputi perincian harga Tender dan pengisytiharan syarikat berhubung pembiayaan kontrak, pengesahan institusi kewangan yang berdaftar serta perakuan dan pengesahan tawaran tender.

3.2 Pentender mestilah mengemukakan penyata kewangan syarikat secara terperinci yang menunjukkan penyata imbalan (aset, tanggungan dan nilai bersih) dan penyata untung-rugi yang disahkan oleh Juruaudit yang bertauliah yang menggambarkan kedudukan kewangan sebenar bagi tahun sebelumnya.

3.3 Sumber-sumber dana (source of funding) bagi membiayai kontrak ini hendaklah dijelaskan (sekiranya berkaitan). Sumber-sumber kredit semasa mestilah disahkan dengan mengemukakan salinan dokumen dari Institusi Kewangan.

#### 4. TAWARAN TEKNIKAL

##### 4.1 Prestasi Syarikat

Semua Pentender mestilah tidak mempunyai sebarang rekod prestasi yang tidak memuaskan terutamanya tidak mematuhi syarat-syarat kontrak dan spesifikasi, lewat penghantaran, meninggalkan kontrak atau kesalahan-kesalahan lain yang berpunca daripada kecuaiian Pentender.

##### 4.2 Organisasi dan Kakitangan

4.2.1 Pentender mestilah mempunyai organisasi dan kakitangan berpengalaman yang mampu melaksanakan pembekalan dan menguruskan kontrak. Butir-butir kelayakan dan kemahiran kakitangan yang akan ditugaskan adalah diperlukan.

4.2.2 MDKpr juga akan menilai organisasi yang diwujudkan bagi melaksanakan kontrak ini. Pentender adalah diminta mengemukakan carta yang menunjukkan organisasi yang diwujudkan.

##### 4.3 Peralatan dan kenderaan

Pentender dikehendaki mengemukakan senarai lengkap semua mesin, peralatan dan kenderaan yang dimiliki dengan menyatakan bilangan unit, buatan, jenis, model, tahun, saiz dan kapasiti serta di mana mesin, peralatan dan kenderaan itu ditempatkan.

4.4 Pentender adalah **DILARANG** menulis apa-apa maklumat yang boleh memberikan maksud nama dan / atau tanda perniagaan Pentender.

4.5 Pentender adalah diingatkan bahawa sekiranya ruang tersebut tidak mencukupi, Pentender boleh menggunakan helaian tambahan.

4.6 Bagi tujuan penerangan tentang tawaran oleh Pentender, Pentender adalah dibenarkan untuk mengemukakan apa-apa jadual, graf, diagram, lukisan skematik atau lukisan teknikal, gambar dan lain-lain bagi memastikan penyelesaian yang dicadangkan dapat dinilai sepenuhnya.

#### 5. PENGHANTARAN DOKUMEN TENDER

5.1 Semua maklumat dalam dokumen sebutharga adalah WAJIB diisi penuh, ditandatangani, dicop dan dimasukkan dalam satu (1) sampul surat yang berlakri atau dimeteraikan dan dicatatkan seperti berikut:-

5.2 Pihak MDKpr berhak menolak mana-mana dokumen tawaran yang tidak mematuhi arahan atau syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Tender ini. Semua dokumen tawaran hendaklah dialamatkan kepada Yang DiPertua, Majlis Daerah Kampar dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Tender / Tender sebelum **Jam 12:00 tengahari** mengikut tarikh tutup yang telah ditetapkan di Majlis Daerah Kampar, Jalan Iskandar, 31900 Kampar, PERAK DARUL RIDZUAN.

5.3 Sekiranya terdapat sebarang kekeliruan atau percanggahan maklumat, pihak MDKpr akan merujuk kepada salinan dokumen yang sah dan boleh diterima.

5.4 Jika Dokumen Tender tidak diserahkan dengan tangan, Pentender hendaklah menghantar dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.

5.5 Tender yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

**6. PERBELANJAAN PENYEDIAAN TENDER**

Semua kos perbelanjaan bagi penyediaan tender ini hendaklah ditanggung oleh Pentender sendiri.

**7. HAK MDKpr UNTUK MENERIMA/MENOLAK TENDER**

MDKpr adalah tidak terikat untuk menerima tender terendah atau mana-mana tender atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tender. Keputusan Jawatankuasa Tender adalah muktamad.

## SYARAT-SYARAT TENDER

### 1. PERATURAN MENYERTAI TENDER

- 1.1 Pentender hendaklah memenuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai Tender. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan tender tersebut tidak dipertimbangkan dan terus ditolak.
- 1.2 Tender dipelawa daripada syarikat-syarikat yang layak sahaja.
- 1.3 Tawaran hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang disediakan di dalam Dokumen Tender ini di mana berkenaan.

### 2. TEMPOH SAH TENDER

Tender ini sah selama **sembilan puluh (90) hari** daripada tarikh tutup tender. Pentender tidak boleh menarik balik tendernya sebelum tamat tempoh sah tender. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya Pentender menarik balik tendernya sebelum tamat tempoh sah tender.

### 3. PEMBERITAHUAN TAWARAN

MDKpr akan memberi notis bertulis dalam bentuk Surat Setuju Terima kepada pentender yang berjaya apabila tendernya dipersetujui dalam jangka masa sah laku tender atau jangka masa tambahan yang terlibat.

### 4. STATUS DAN TEMPOH KONTRAK

Tempoh kontrak yang dikehendaki oleh pihak MDKpr adalah dari 1 September 2021 hingga 31 Ogos 2028. Walau bagaimanapun, tempoh kontrak yang muktamad berhak ditentukan oleh pihak MDKpr bila mana timbul keperluan untuk membuat demikian.

### 5. ANGGARAN KELUASAN KAWASAN KESELURUHAN

Pentender dikehendaki mengemukakan tawaran bagi keseluruhan **Pemungutan Sampah Dan Pengangkutan Sampah** berdasarkan kepada Skop dan Spesifikasi Perkhidmatan yang disediakan. Pentender adalah diwajibkan membuat lawatan tapak sebelum membuat tawaran.

### 6.. LARANGAN KEPADA PENTENDER

- 6.1 Menarik diri sebelum / selepas keputusan Tender dibuat.
- 6.2 Membuat pakatan harga.
- 6.3 Memalsukan maklumat atau menyorokkan maklumat yang memberi kesan negatif terhadap keupayaannya dengan tujuan menyertai Tender.
- 6.4 Mengemukakan beberapa pilihan tawaran.

### 7. PERTANYAAN (*ENQUIRIES*)

Sebarang pertanyaan teknikal berkenaan tender ini boleh disalurkan kepada alamat di bawah sebelum tamat tempoh penyerahan dokumen tender kepada Ketua Jabatan, Jabatan Kesihatan Awam, Majlis Daerah Kampar.

### 8. TINDAKAN TATATERTIB / PEMBATALAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR

Jika mana-mana pentender:

- 8.1 Menarik balik Tender sebelum tamat tempoh Sah Laku Tawaran Tender atau apa-apa tempoh lanjutan atau

- 8.2 Mengenakan had, syarat atau perjanjian tambahan selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi meyerahkan Tender (dan dalam hal yang sedemikian ia hendaklah disifatkan enggan dan tidak melaksanakan perjanjian kontrak yang normal atau menandatangani bon pelaksanaan MDKpr tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya, mengambil tindakan tatatertib terhadap penyebutharga atau memperakukan kepada pihak berkuasa supaya membatalkan pendaftaran Pentender sebagai kontraktor MDKpr).

9. **KONTRAK DISEBABKAN KESALAHAN RASUAH, AKTIVITI HARAM DAN TIDAK SAH DI SISI UNDANG-UNDANG**

- 9.1 Tanpa sebarang prejudis di pihak MDKpr, jika pihak Pentender, atau mana-mana kakitangannya disabitkan oleh mahkamah undang-undang di atas kesalahan rasuah, aktiviti haram atau yang tidak sah di sisi undang-undang berkaitan dengan kontrak ini atau mana-mana kontrak yang pihak Pentender terikat dengan pihak MDKpr, pihak MDKpr berhak untuk menamatkan kontrak pada bila-bila masa, dengan memberikan notis bertulis berkuatkuasa serta merta kepada pihak Pentender.
- 9.2 Disebabkan penamatan tersebut, pihak MDKpr mempunyai hak ke atas kerugian, kos, kemusnahan dan perbelanjaan (termasuk kos dan perbelanjaan sampingan) yang dihadapi oleh pihak MDKpr akibat daripada penamatan tersebut.
- 9.3 Bagi tujuan mengelakkan keraguan, kedua-dua pihak MDKpr dan Pentender telah bersetuju bahawa pihak pentender tidak mempunyai hak ke atas mana-mana bentuk kerugian termasuk kehilangan profit, kemusnahan, tuntutan atau sebarang jenis berkaitan dengan penamatan kontrak ini.

## SYARAT-SYARAT KONTRAK PERKHIDMATAN

### 1. PENERANGAN AM

- 1.1 Pihak Kontraktor hendaklah menyediakan segala keperluan (termasuk pekerja) untuk melaksanakan perkhidmatan seajarnya menurut tujuan dan maksud penentuan itu keseluruhannya sama ada ianya difahamkan secara munasabah dari kontrak itu dan jika kontraktor mendapati sebarang perselisihan di dalamnya ia hendaklah dengan cara serta merta secara bertulis merujukkan perselisihan itu kepada Yang Dipertua, MDKpr dan beliau akan memutuskan cara-cara bagaimana perkhidmatan itu akan dilaksanakan.
- 1.2 Takrifan seperti berikut adalah digunapakai di dalam kontrak ini:
  - 1.2.1 “Bulan” bermaksud Satu (1) bulan kalendar iaitu dari hari pertama hingga hari akhir bulan tersebut;
  - 1.2.2 “Hari” bermaksud 24 jam iaitu dari jam 6.00 pagi pada tarikh itu hingga 6.00pagi keesokanya;
  - 1.2.3 “Kawasan Kontrak” bermaksud Kawasan yang telah ditetapkan oleh Yang Dipertua untuk diberikan perkhidmatan kutipan, pengangkutan dan pelupusan sampah oleh kontraktor;
  - 1.2.4 “Ketua Jabatan Kesihatan Awam” bermaksud Pegawai Tadbir Kesihatan Awam;
  - 1.2.5 “Kontraktor” bermaksud Pentender atau orang-orang yang mengoperasikan sebuah syarikat yang ditubuhkan mengikut Akta Syarikat 1965 dan telah berdaftar dengan Kementerian Kewangan;
  - 1.2.6 “MDKpr” bermaksud Majlis Daerah Kampar;
  - 1.2.7 “Memuaskan hati” bermaksud sebagaimana yang digunakan dalam perjanjian ini dan dalam semua dokumen berkaitan dengan perjanjian ini hendaklah bermaksud pelaksanaan kerja-kerja Perjanjian ini ke tahap kebersihan yang dapat memenuhi kesemua syarat-syarat dan penentuan sebagaimana yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan memuaskan hati MDKpr;
  - 1.28 “Pegawai Penyelia” bermaksud pegawai yang dilantik oleh Yang Dipertua yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam menyelia serta memastikan perjalanan kontrak adalah sempurna sepanjang masa;
  - 1.29 “Setiausaha” bermaksud Setiausaha Majlis Daerah Kampar;
  - 1.30 “Yang Dipertua” bermaksud Yang Dipertua Majlis Daerah Kampar.

### 2. KAWASAN KONTRAK

- 2.1 Kontraktor hanya dibenarkan masuk ke Kawasan Kontrak seperti yang dinyatakan di Borang Q / Borang Tender.

### 3. TEMPOH KONTRAK

- 3.1 Kontrak ini ditawarkan mengikut tarikh yang ditetapkan dalam surat tawaran setuju terima dan akan berakhir hingga ke suatu tempoh yang juga ditetapkan dalam surat tersebut.
- 3.2 Selepas tamat tempoh kontrak ini, jika dipersetujui oleh kontraktor dan di atas kehendak MDKpr tempoh kontrak mungkin boleh dilanjutkan lagi untuk sesuatu tempoh yang akan ditetapkan tertakluk kepada syarat-syarat dan prestasi kerja yang memuaskan. Kontraktor yang ingin memohon untuk melanjutkan tempoh kontrak ini hendaklah mengemukakan permohonan kepada Yang Dipertua MDKpr selewat-lewatnya **satu (1) minggu** sebelum tarikh tamat kontrak.



#### 4. **BON PELAKSANAAN**

- 4.1 Kontraktor hendaklah, sebagai syarat terdahulu sebelum memulakan sesuatu kerja di bawah kontrak ini, menandatangani dengan MDKpr suatu Bon Pelaksanaan berupa suatu Jaminan Bank yang diluluskan yang senilai dengan kadar dua persepuluh lima peratus (2.5 %) daripada jumlah harga kontrak enam bulan (bagi kos kontrak tidak melebihi RM500,000.00) atau lima peratus (5 %) daripada jumlah harga kontrak enam bulan (bagi kos kontrak melebihi RM500,000.00).
- 4.2 Bon Pelaksanaan hendaklah ditetapkan sah dan terus sah serta berkuatkuasa sepanjang tempoh kontrak dan tidak akan dikembalikan sehingga kontrak disempurnakan dengan memuaskan sebagaimana diperuntukkan dalam Jaminan Bank yang diluluskan.
- 4.3 Jika kontraktor tidak melaksanakan kontrak atau melakukan apa-apa pelanggaran terhadap obligasinya di bawah kontrak ini, MDKpr atau Pegawai MDKpr bagi pihak MDKpr boleh menggunakan dan membuat pembayaran atau potongan daripada Bon Pelaksanaan tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya mengikut terma-terma kontrak ini.
- 4.4 Bon Pelaksanaan (atau apa-apa bakinya yang masih ada untuk kredit Kontraktor) hendaklah dilepaskan atau dipulangkan kepada kontraktor apabila tamat tempoh kontrak tersebut. Tiada sebarang faedah akan dibayar oleh MDKpr ke atas Bon Pelaksanaan tersebut.
- 4.5 Sekiranya kontrak ditamatkan atas apa-apa alasan yang dinyatakan semasa tempoh kontrak masih berkuatkuasa, MDKpr berhak melucutkan dan merampas Bon Pelaksanaan tersebut.
- 4.6 Yang Dipertua berhak membatalkan tawaran kontrak sekiranya Kontraktor gagal menyediakan dan menyerahkan Bon Pelaksanaan dalam tempoh **tujuh (7) hari** dari tarikh menandatangani Perjanjian Kontrak.

#### 5. **JADUAL PERKHIDMATAN**

Semua kerja-kerja pembersihan kawasan hendaklah dilaksanakan oleh Kontraktor mengikut jadual yang ditetapkan. MDKpr boleh mengubah Jadual Perkhidmatan tersebut bila mana timbul keperluan untuk berbuat demikian. Dalam hal ini, pihak Kontraktor hendaklah menyediakan jadual kutipan sampah dan menyediakan lakaran route kutipan sampah terbaru yang perlu dilaksanakan di dalam kawasan kerja secara bertulis di dalam lampiran 9-10 dan sekiranya terdapat pindaan hendaklah dikemukakan tempoh **tujuh (7) hari selepas kontrak ditandatangani**.

#### 6. **KEPATUHAN KEPADA SPESIFIKASI DAN JADUAL PERKHIDMATAN**

Adalah diingatkan bahawa Kontraktor hendaklah mematuhi sepenuhnya kepada garis panduan dalam Spesifikasi Perkhidmatan dan menepati Jadual Perkhidmatan berkenaan pelaksanaan Kerja-Kerja kutipan dan pelupusan sampah. Yang Dipertua memandang berat ke atas usaha pematuhan ini dalam usaha MDKpr untuk menyediakan dan mengekalkan perkhidmatan berkualiti kepada penduduk di dalam kawasan operasi MDKpr. Sebarang ketidakpatuhan kepada mana-mana bahagian dalam Spesifikasi Perkhidmatan dan Jadual Perkhidmatan ini adalah dianggap sebagai memungkirkan kontrak ini.

#### 7. **BAYARAN PERKHIDMATAN**

- 7.1 Bayaran atas perkhidmatan yang dijalankan genap sebulan boleh dibuat dalam tempoh sebulan dengan syarat invoice yang dikemukakan adalah betul dan disahkan. Gambar-gambar bertarikh hendaklah dikemukakan bersama bagi tujuan tuntutan bayaran. Lokasi gambar adalah di tempat yang sama sebelum dan selepas kerja dijalankan. Semua invoice dan dokumen / bukti sokongan yang diperlukan mestilah dihantar kepada Yang Dipertua, Majlis Daerah Kampar.

- 7.2 Pembayaran kepada kontraktor akan dibuat secara bulanan selepas penilaian kerja dibuat dan didapati oleh pegawai penguasa bahawa kerja-kerja yang dijalankan adalah sempurna, tertakluk kepada syarat-syarat bahawa MDKpr berhak membuat potongan ke atas bayaran itu sekiranya didapati kerja-kerja yang dijalankan itu tidak memuaskan atau tidak membuat langsung.

## 8. POTONGAN BAYARAN

- 8.1 Jumlah potongan dan denda yang dibuat ke atas kerja-kerja yang tidak dijalankan atau tidak memuaskan akan ditolak daripada jumlah asal harga kontrak sebulan, semasa bayaran pada bulan berkenaan dibuat.
- 8.2 Kadar Potongan Bayaran adalah seperti berikut, yang mana kadar harganya telah dinyatakan dalam Senarai Kuantiti Tender ini:
- 8.2.1 Sampah sarap tidak dipungut seperti dijadualkan atau diarahkan – semua bayaran bagi sampah sarap tersebut untuk bulan berkenaan akan dipotong berdasarkan kadar harga dalam Senarai Kuantiti mengikut unit/bilangan yang tidak dipungut di kawasan-kawasan kontrak yang telah ditetapkan SERTA DENDA 5 KALI GANDA.
- 8.2.2 Jika sampah sarap atau hasil kerja tidak dibuang ke tempat pembuangan sampah yang ditetapkan oleh MDKpt atau jika didapati kontraktor membuangnya di mana-mana tempat/kawasan lain atau diluar daripada kawasan kontrak – SAMPAH SARAP/HASIL KERJA YANG DIBUANG ITU TIDAK AKAN DIBAYAR.
- 8.2.3 Jika sampah sarap tidak dipungut atau tidak disiapkan dalam tempoh pusingan seperti dijadualkan atau diarahkan dan kerja-kerja tersebut dilaksanakan oleh MDKpr samada dengan kenderaan/peralatan/pekerja sendiri atau mengupah pihak lain menjalankannya - bayaran akan dipotong berdasarkan KOS SEBENAR MENJALANKAN KERJA-KERJA TERSEBUT ATAU KADAR YANG DINILAI OLEH MDKPR SERTA DIDENDA 5 KALI GANDA.
- 8.2.4 Sekiranya terdapat sampah yang dikumpulkan / dilonggokkan di suatu tempat, kontraktor hendaklah mengutip sampah longgokan di hadapan kediaman, premis dan terus dimasukkan ke dalam lori kompaktor.
- 8.3 MDKpr berhak pada bila-bila masa yang perlu mengubah atau menambah perkara-perkara berkaitan ketidakpatuhan dengan memberi notis **TUJUH (7) HARI** kepada Kontraktor.
- 8.4 MDKpr berhak untuk memotong bayaran sebanyak RM500.00 sekiranya mendapati kotraktor tidak mengamalkan Langkah pencegahan kemalangan.

## 9. KERJA-KERJA TERKELUAR DARI SEMPADAN KAWASAN KONTRAK

Dilarang sama sekali Kontraktor melakukan Kerja-Kerja kutipan dan pelupusan sampah melampaui Sempadan yang telah ditetapkan sebagai Kawasan Kontrak. Dalam keadaan dimana berlaku kerja- kerja di luar sempadan, tiada sebarang bayaran akan dibuat terhadap kerja-kerja yang telah disiapkan dalam pusingan berkenaan.

## 10. PERUBAHAN KADAR HARGA

Kontrak ini tidak akan terlibat dengan perubahan harga sama ada meningkat atau menurun akibat perubahan kos bahan atau upah sepanjang tempoh 7 tahun kontrak ini dijalankan. Walaubagaimanapun, Yang Dipertua dari masa ke semasa berhak untuk menambah atau mengurangkan kawasan kontrak berdasarkan keperluan dan MDKpr akan membayar atau memotong bayaran berikutan pertambahan atau pengurangan kawasan kerja mengikut kadar harga asas di mana perjanjian tambahan akan dibuat kemudiannya.

## 11. PENANGGUHAN SEMENTARA DAN LANJUTAN TEMPOH MASA UNTUK PUSINGAN KERJA

- 11.1 Sekiranya berlaku gangguan akibat cuaca buruk dalam sesuatu pusingan kerja, Kontraktor dikehendaki untuk menyediakan lebih ramai pekerja pada hari-hari berikutnya dalam pusingan tersebut supaya semua kerja-kerja yang dijadualkan dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Tiada lanjutan tempoh masa akan dibenarkan berdasarkan gangguan cuaca buruk;
- 11.2 Jika semasa melaksanakan kontrak ini terjadi peperangan yang membabitkan MDKpr atau rusuhan, peperangan saudara, mogok umum, gempa bumi, banjir atau ribut taufan, yang menyebabkan penyempurnaan kontrak ini tergendala, dalam keadaan ini Pegawai Penyelia hendaklah menggunakan budi bicaranya dalam membenarkan satu lanjutan tempoh masa bekerja yang sesuai untuk penyempurnaan kerja-kerja yang tertangguh. Dalam keadaan dimana sebarang bencana berkaitan dengan berterusannya penggantungan atau penamatan kontrak ini, maka hendaklah diselesaikan secara perjanjian yang dipersetujui oleh Yang Dipertua dan Kontraktor.

## 12. INSURANS

- 12.1 Kontraktor hendaklah dengan segera dan sebagai satu syarat sebelum memulakan kerja di bawah kontrak ini, menyediakan perlindungan keselamatan dan insurans kepada pekerja, orang awam dan harta awam dengan mengambil semua jenis polisi insurans yang perlu dengan perbelanjaannya sendiri dan dengan syarikat insurans yang diluluskan oleh Yang Dipertua secara bertulis, bertujuan untuk melepaskan dirinya dan Yang DiPertua dari tanggungjawab bagi bayaran pampasan di bawah atau meminta atau mengganti perundangan tersebut dan melepaskan tanggungan dari semua kos dan perbelanjaan yang berkaitan atau akibatnya. Dalam tujuan ini, termasuklah setiap pegawai dan jabatannya dari semua tanggungan yang timbul dari tuntutan oleh mana-mana pekerja atau setiap orang pekerja yang digaji untuk pelaksanaan kontrak ini;
- 12.2 Jumlah insurans yang perlu untuk Polisi Tanggungan Awam hendaklah yang dipersetujui oleh Yang Dipertua tetapi hendaklah tidak kurang dari nilai kontrak yang ditawarkan oleh Kontraktor;
- 12.3 Polisi Insurans tersebut hendaklah diserahkan kepada MDKpr selewat-lewatnya dalam tempoh 14 hari selepas 'Cover-Note' dikemukakan;
- 12.4 Kontraktor hendaklah menyerahkan salinan Sijil Kementerian Kewangan yang telah diperbaharui **TIGA BULAN** sebelum Sijil Kementerian Kewangan yang sedia ada tamat tempoh.

## 13. AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969

- 13.1 Kontraktor mestilah dalam masa empat belas (14) hari daripada tarikh pemberitahuan bahawa tendernya telah diterima atau dalam mana-mana tempoh dilanjutkan sebagaimana yang dibenarkan secara bertulis oleh Yang Dipertua dan sebelum dokumen-dokumen kontrak ditandatangani, dikehendaki supaya pekerja-pekerja yang diambil bekerja di dalam kontrak ini diberi perlindungan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Dalam hal demikian, kontraktor hendaklah mendaftarkan pekerja-pekerjanya dan mencarumkan di bawah Skim Keselamatan Sosial (PERKESO) dan mematuhi peruntukan-peruntukan Akta tersebut. Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai MDKpr Nombor Kod dan Nombor-nombor Keselamatan Sosial semua pekerja untuk diperiksa.

- 13.2 Kontraktor hendaklah membayar semua caruman dari semasa ke semasa pada hari Pertama caruman itu sepatutnya dibayar dan sehingga tamat kontraknya dan adalah menjadi tugas kontraktor untuk mengemukakan kepada Pegawai MDKpr kad carum atau baucer setem sebagai bukti pembayaran carum itu, samada diminta atau tidak.
- 13.3 Jika kontraktor melakukan apa-apa kemungkiran pada mematuhi terma-terma Fasal ini, MDKpr atau Pegawai MDpr boleh tanpa menjejaskan apa-apa remedi lain yang ada pada MDKpr kerana pelanggaran terhadap mana-mana terma kontrak ini:-
- i) Menahan sejumlah wang dari apa-apa wang yang jika tidak kerana kemungkiran itu perlu dibayar kepada kontraktor di bawah kontrak ini dan tuntutan pampasan oleh pekerja-pekerja yang sepatutnya ditanggung oleh Skim PERKESO jika kontraktor tidak melakukan kemungkiran dalam menyelenggarakan caruman, dan/tidak
  - ii) Membayar apa-apa caruman yang genap masanya dibayar dan masih belum dibayar dan memotong amaun caruman itu dari apa-apa wang yang perlu dibayar atau genap masanya perlu dibayar kepada kontraktor.

#### 14. **TANGGUNGAN GANTI RUGI (INDEMNITIES)**

- 14.1 Kontraktor hendaklah bertanggungjawab dan sentiasa melepaskan MDKpr daripada semua tanggungjawab perundangan, guaman dan hendaklah bertanggungjawab terhadap segala bentuk kecederaan atau kerosakan terhadap sebarang harta awam, harta peribadi atau harta MDKpr yang disebabkan oleh kecuaiian, ketinggalan atau keingkaran dirinya sendiri, wakilnya atau pekerjanya yang diberi kuasa atau terhadap mana-mana hal yang di bawah kawalannya.
- 14.2 Kontraktor hendaklah bertanggungjawab atas, dan hendaklah menanggung rugi MDKpr terhadap apa-apa juga kerosakan, perbelanjaan, liabiliti, kerugian, tuntutan atau prosiding disebabkan oleh apa-apa jenis bencana atau kerosakan kepada harta tanah atau harta diri (termasuklah kerja dan apa-apa harta MDKpr yang lain) setakat mana bencana atau kerosakan itu berbangkit dari atau dalam masa atau disebabkan oleh pelaksanaan kerja, dan dengan syarat sentiasa bahawa ia disebabkan oleh apa-apa kecuaiian, peninggalan, pecah kontrak atau kemungkiran oleh mana-mana orang kontrak itu bertanggungjawab terhadapnya termasuk pengkhidmat atau agen kontraktor atau oleh mana-mana sub kontraktor, samada yang dinamakan atau selainnya dan pengkhidmat atau agennya.
- 14.3 Kontraktor hendaklah memperbaiki apa-apa kerosakan yang mungkin disebabkan oleh apa-apa perbuatan pihak kontraktor/pekerja kepada mana-mana juga harta awam, harta peribadi dan harta MDKpr jika sekiranya sesuatu barang/item yang diamanahkan untuk jagaannya hilang atau rosak daripada apa-apa jua sebab semasa dalam kawalan dan kawasan kontraktor. Kontraktor hendaklah bertanggungjawab membayar wang sebanyak yang ditafsirkan oleh Pegawai yang diberi kuasa oleh MDKpr bagi maksud itu.

#### 15. **KEGAGALAN MEMATUHI KONTRAK**

Dalam sebarang pemecahan mana-mana stipulasi yang terkandung dalam kontrak ini yang mana untuk diberi perhatian dan dilakukan atau gagal dijalankan oleh kontraktor mengikut kepuasan pihak MDKpr. Pihak MDKpr berhak melakukan kerja-kerja tersebut sendiri atau melantik mana-mana kontraktor yang difikirkan perlu dan segala kos yang terlibat daripada melaksanakan kerja-kerja tersebut, jika ada, mestilah ditanggung oleh kontraktor dan kos terlibat itu bolehlah dipotong oleh pihak MDKpr daripada mana-mana jumlah bayaran yang perlu dibayar kepada kontraktor.

## 16. PENGGANTUNGAN KONTRAK OLEH YANG DIPERTUA

16.1 Dalam hal dimana Kontraktor tidak memulakan kerja-kerja kutipan dan pelupusan sampah selama **dua (2) hari** berturut-turut dari tarikh yang dijadualkan, maka Yang DiPertua berhak untuk:

- a) Memulakan dan melaksanakan kerja-kerja kutipan dan pengangkutan sampah untuk tapak kerja yang berkenaan sehingga siap sama ada dengan melakukannya sendiri atau mengupah orang lain untuk melaksanakan kerja-kerja yang diperlukan itu dan segala kos yang berkaitan dengannya boleh didapati balik dari Kontraktor itu oleh Yang DiPertua sebagai satu hutang atau boleh juga dipungut dari wang yang patut dibayar kepada Kontraktor;
- b) Mengenakan denda tambahan kepada Kontraktor yang berjumlah **RINGGIT MALAYSIA: DUA RATUS (RM200.00) sehari/kawasan/taman**
- c) Penggantungan Kontrak yang berlaku melebihi sebanyak **TIGA (3)** kali sepanjang tempoh kontrak boleh mengakibatkan tindakan Penamatan Kontrak oleh Yang DiPertua terhadap Kontraktor berkenaan.

## 17. PENAMATAN KONTRAK OLEH YANG DIPERTUA

17.1 Yang Dipertua pada bila-bila masa, boleh dalam tempoh **TUJUH (7) HARI** melalui notis yang dihantar melalui pos berdaftar menamatkan perkhidmatan Kontraktor sekiranya didapati pihak Kontraktor:

- a) Tidak melaksanakan perkhidmatan kutipan dan pelupusan sampah dengan memuaskan, dan setelah notis-notis peringatan diberi oleh Pegawai Penyelia, yang mengakibatkan denda dalam bentuk pemotongan bayaran yang melebihi **DUA PULUH (20) % dari nilai kontrak sebulan** sepanjang tempoh kontrak berjalan;
- b) Telah dikenakan tindakan penggantungan perkhidmatan sebanyak **TIGA (3) KALI** sepanjang tempoh kontrak berjalan;
- c) Dikenakan tindakan bankrap oleh Mahkamah;
- d) Tidak berkemampuan atau dikompauun atau membuat penyerahan hak untuk faedah sipitangnya;
- e) Menyerahkan hak atau sub-kontrak sebahagian atau keseluruhan kontrak ini.

## 18. PENYERAHAN NOTIS KEPADA KONTRAKTOR

Apa-apa notis yang hendak diserahkan kepada kontraktor di bawah kontrak ini hendaklah diserahkan dengan cara menghantarkan melalui pos/pos berdaftar kepada tempat perniagaan berdaftar kontraktor atau lain-lain alamat sebagaimana yang dinyatakan oleh kontraktor dari semasa ke semasa.

## 19. PEMBAHARUAN KONTRAK OLEH YANG DIPERTUA

Yang DiPertua boleh atas budi bicaranya memperbaharui kontrak ini untuk tempoh masa dan Syarat-syarat yang dipersetujui bersama oleh pihak-pihak yang terlibat.

## 20. PINDAH MILIK KONTRAK ATAU SUB-KONTRAK

20.1 Kontrak ini tidak dibenarkan sama sekali untuk diserahkan atau dipindah milik kepada sesiapa jua atau menggunakan sub-kontrak, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.

20.2 Sekiranya MDKpr mendapati terdapat penyerahan atau pindah milik kontrak seperti di atas, MDKpr berhak menamatkan kontrak berkenaan dan mengenakan apa-apa ganti rugi terhadap kontraktor.

## 21. HADIAH BERUPA RASUAH DAN BAYARAN KOMISYEN

- 21.1 Kontraktor tidak boleh menawar, memberi atau bersetuju untuk memberi kepada mana-mana Pegawai MDKpr sebarang hadiah atau apa jua pun sebagai dorongan atau balasan kerana melakukan apa-apa tindakan berhubung dengan perolehan atau pelaksanaan Kontrak ini atau mana-mana kontrak lain dengan MDKpr atau kerana menunjukkan atau tidak menunjukkan sokongan terhadap mana-mana orang dalam Kontrak ini atau mana-mana kontrak lain.
- 21.2 Mana-mana pelanggaran syarat ini oleh pihak Kontraktor atau oleh seseorang yang bekerja dengannya atau bertindak bagi pihaknya (samaada dengan atau tanpa pengetahuan Kontraktor) akan terjumlah kepada suatu kesalahan di bawah Akta Pencegah Rasuah, 1961 berhubung dengan Kontrak ini atau kontrak-kontrak lain dengan MDKpr, dan dengan itu akan sentiasa memberikan hak kepada MDKpr untuk menamatkan Kontrak ini dan mendapatkan kembali jumlah sebarang kerugian yang timbul akibat daripada penamatan itu daripada Kontraktor.

## 22. SYARAT-SYARAT LAIN

Syarat-syarat tambahan lain yang tidak termasuk atau tidak dinyatakan secara terperinci di dalam spesifikasi di bawah kontrak ini adalah tertakluk kepada arahan MDKpr dari semasa ke semasa.

## SKOP DAN SPESIFIKASI PERKHIDMATAN

